

22 JUN 2004

e-Syariah

e-SYARIAH AKAN DIPASARKAN KE NEGARA-NEGARA ISLAM

PUTRAJAYA, 22 Jun (Bernama) -- Projek e-Syariah, sistem elektronik yang bertujuan memudahkan perjalanan kes-kes di Mahkamah Syariah akan dipasarkan ke negara-negara Islam secepat mungkin sebaik sahaja ia lengkap dan selesai dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdullah Md. Zin berkata, sistem itu yang pertama di kalangan negara-negara Islam akan dapat mengatasi masalah kelewatan kes-kes di Jabatan Kehakiman Syariah.

Ia akan dipromosi di kalangan pihak yang terlibat dalam pentadbiran Mahkamah Syariah di negara-negara Islam termasuk anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) atau mereka akan dijemput datang ke sini untuk melihatnya sendiri, kata beliau pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Jabatan Kehakiman Syariah dengan lima lagi jabatan kerajaan di sini, hari ini.

Lima jabatan kerajaan itu ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tempoh pelaksanaan projek yang memakan masa tiga tahun itu telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Feb lepas.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata sistem itu yang akan siap menjelang September depan menghubungkan 110 buah Mahkamah Syariah di 102 lokasi di seluruh negara.

Abdullah berkata dengan wujudnya hubungan rangkaian Syariah dengan lima jabatan kerajaan itu, proses penyelesaian kes di Mahkamah Syariah akan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap.

Sebagai contoh, apabila e-Syariah dihubungkan dengan PDRM, sebarang waran tangkap atau saman yang dihantar oleh Mahkamah Syariah akan dapat direspon dengan cepat oleh polis, katanya.

Begitu juga bagi perintah Mahkamah Syariah yang menegah

seseorang daripada membawa anak ke luar negara dalam kes hadanah yang masih dibicarakan akan dapat disampaikan dengan segera kepada pihak jabatan

Imigresen melalui e-mel dengan pantas, katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Datuk Sheikh

Ghazali Abdul Rahman dalam ucapannya berkata skop e-Syariah merangkumi enam

modul iaitu sistem pengurusan kes Mahkamah Syariah, sistem pengurusan

perpustakaan, sistem pendaftaran peguam Syarie dan portal e-Syariah.

Ia juga melibatkan sistem rangkaian dengan jabatan kerajaan terpilih,

sistem automasi pejabat dan rangkaian e-Syariah antara Jabatan Kehakiman

Syariah dengan semua Mahkamah Syariah di peringkat ibu pejabat negeri dan

daerah.

Sheikh Ghazali juga berkata pihaknya akan memperluaskan sistem itu

melalui kerjasama dengan jabatan kerajaan yang lain tidak lama lagi seperti

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Penjara, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bahagian pencen, Pejabat Pesaka Kecil dan

Pejabat

Daerah dan Tanah.

"Semua jabatan yang disebut itu mempunyai hubungkait dengan kerja

seharian di Mahkamah Syariah, misalnya pengurusan kes faraid yang ada

hubungan dengan Pejabat Pesaka Kecil, Pejabat Tanah dan KWSP," katanya.

Begitu juga dengan Jabatan Penjara yang melibatkan waran tahanan dan

reman yang dikeluarkan oleh mahkamah manakala JPA bahagian pencen akan

melibatkan potongan pencen melalui perintah Mahkamah Syariah.

Selain itu, katanya pihaknya juga akan memperkenalkan sistem pengesanan

suara iaitu semua butiran perbincaraan akan dicatatkan dengan mengubah suara

kepada teks secara automatik tanpa perlu menulis.

"Perbincaraan melalui sidang video bagi kes-kes yang melibatkan tertuduh

tidak boleh hadir ke mahkamah atau saksi berada jauh dari lokasi mahkamah

juga boleh dilaksanakan di masa hadapan sebagai menyahut kehendak globalisasi era teknologi maklumat," katanya.

-- BERNAMA

NJ PR